

## **Kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah**

### **ABSTRACT**

Kesantunan berbahasa dalam kalangan generasi muda terutama golongan remaja perlu dititikberatkan kerana penggunaan bahasa yang tidak santun akan mengubah corak dan cara berkomunikasi serta tingkah laku mereka. Oleh hal yang demikian makalah ini bertujuan untuk menjelaskan definisi kesantunan dalam kalangan pelajar universiti dan meninjau amalan kesantunan yang diamalkan ketika berkomunikasi dengan pensyarah semasa mengikuti kelas dalam talian. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggunakan pendekatan diskursif, iaitu tafsiran peserta (first-order politeness) sebagai elemen penting yang menentukan definisi kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik terhadap 204 orang pelajar untuk mendapatkan maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mengamalkan kesantunan dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar universiti. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar dapat memberikan definisi kesantunan secara universal walaupun terdapat perbezaan definisi kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar disebabkan oleh faktor yang mempengaruhi pemahaman dan amalan mereka tentang kesantunan berbahasa.